

## **KRITIKAN ISLAM LIBERAL TERHADAP PENTAFSIRAN AL-QURAN: TUMPUAN ISU TERHADAP AYAT 256, SURAH AL-BAQARAH**

*Abu Dzar Ahmad<sup>7</sup>  
Nik Ahmad Mumtaz Nik Din<sup>8</sup>*

### **ABSTRAK**

*Kritikan Islam Liberal terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran menyimpang daripada tafsiran para ulama. Karya-karya tafsir klasik yang asal dalam kerangka metodologi Tafsir bi al-Ma'thur dan al-Ra'y diolah dan dirobek mengikut pandangan yang tersasar. Pendukung Islam Liberal mempunyai tafsiran yang memperkenalkan falsafah Barat dengan beberapa elemen iaitu Scepticisme dan Criticisme. Pentafsiran mereka melibatkan pelbagai kaedah kontemporari yang menghasilkan pandangan berbeza serta kritikan dan persoalan yang ditimbulkan termasuk metode para ulama tradisional. Oleh itu, satu kajian tidak ketara menggunakan kaedah deskriptif merungkai kritikan yang mendominasi pendukung Islam Liberal terhadap tumpuan satu ayat 256 dalam surah al-Baqarah dilihat sebagai isu utama kecenderungan mereka menterjemahkannya secara re-interpret. Oleh itu, pentafsiran al-Quran wajar selari dengan kehendak wahyu berdasarkan aturan dan persekitaran bukan mengikut zaman dan gagasan yang melakukan pentafsiran semula al-Quran.*

**Kata Kunci:** Islam Liberal, pentafsiran al-Quran, scepticisme, ayat 256 surah al-Baqarah.

### **PENDAHULUAN**

Al-Quran adalah lembaran wahyu dan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril diriwayatkan secara *al-Mutawatir*. Al-Quran juga dijustifikasi dengan *al-Furqan* ataupun *al-Tanzil*, malah sebagai petunjuk bagi manusia sekalian alam yang merangkumi pelbagai ilmu dan hal berkaitan kehidupan, selain ilmu hadis sebagai penerang kepada al-Quran. Termasuk hal berhubungkait dalam kehidupan manusia sama ada secara keperibadian mahupun kemasyarakatan.

Oleh itu, catatan lembaran *mushaf* bukan semata-mata untuk dibaca sebagai teori, bahkan implementasi yang mendorong mencorak perubahan manusia pelbagai aspek dalam kehidupan

---

<sup>7</sup> Penulis merupakan pensyarah Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

<sup>8</sup> Penulis merupakan pensyarah Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

bagi mencapai jaminan kebahagian di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Mai'dah* (5): 67 bermaksud:

*Wahai Rasul Allah, sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan sekiranya kamu tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka kamu sebenarnya tidak menyampaikan amanah-Nya. Dan Allah memelihara kamu daripada gangguan manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang kafir.*

Oleh yang demikian, para ulama telah mengemukakan pentafsiran dalam karya mereka. Ilmu tafsir adalah ilmu yang membicarakan tentang isi kandungan wahyu dalam al-Quran mengikut kaedah dan pemahaman mengenai maksud al-Quran berdasarkan metodologi yang digariskan sendiri oleh al-Quran dan al-Sunnah, iaitu mengintegrasikan antara kaedah ilmu *Riwayah* dan *Dirayah*.

Namun, tidak dinafikan kedangkalan dalam pemahaman setiap ayat-ayat al-Quran telah melahirkan golongan yang mencetuskan Liberalisme sehingga mereka mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan kaedah *Hermeneutic*. Mereka cuba merombak metodologi dan ketulenan dalam warisan Islam supaya membentuk kerangka dasar berkiblatkan falsafah Barat. Oleh itu, kemampuan akal manusia adalah terbatas memerlukan peranan wahyu bagi memimpin akal ke ruang yang lebih selamat.

## METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan secara deskriptif. Ia membincangkan isu penyelewengan pemahaman golongan Islam Liberal terhadap ayat 256 di dalam Surah al-Baqarah yang menggunakan tafsir konseptual dan *Scripturalist* secara *re-interpret*, kemudian sanggahan dikemukakan. Tafsiran para ulama merupakan medium utama dalam memahami konteks ayat menurut kaedah dan pendekatan dalam pentafsiran secara tradisional dan kontemporari berdasarkan disiplin ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan ilmu-ilmunya.

## PENTAFSIRAN ISLAM LIBERAL TERHADAP AYAT 256, SURAH AL-BAQARAH

Pandangan serta pemikiran golongan Islam Liberal dapat dianalisis berdasarkan penulisan mereka. Umumnya, penulisan tokoh-tokoh Islam Liberal seumpama Jamal al-Banna, Nasr Hameed Abu Zayd, Mahmood Muhammad Taha, Muhammad Said al-Ashmawi, Hassan Hanafi dan ramai lagi didapati terpengaruh dengan budaya *Scepticisme* ataupun skeptik iaitu mencurigai sesuatu kebenaran dan teori agama. Oleh itu, golongan mereka berusaha mengkritik khazanah ilmu-ilmu *turath* umat Islam seperti ilmu hadis, termasuk ilmu tafsir para ulama (Tengku Intan Zarina, 2013). Antara pandangan golongan Liberal terhadap ilmu tafsir ialah pertama, tafsir para ulama bersifat *atomistic* dan mengaibkan kronologi penurunan wahyu. Pandangan ini turut diutarakan oleh Fazlur Rahman (1982) yang menganggap bahawa pendekatan sedemikian menyebabkan bahasa dalam al-Quran tidak dapat difahami dengan sempurna. Sebaliknya, beliau mengesyorkan agar

menggunakan pendekatan *Scripturalist* di mana al-Quran perlu difahami dengan kesatuan yang menyeluruh serta tidak terikat dengan tradisi sama ada dengan hadis ataupun ilmu tafsir terdahulu (Fazlur Rahman, 1982).

Oleh itu, sebagai perintis tafsir konseptual, Fazlur Rahman (1982) menyarankan agar memeriksa kembali karya-karya tersebut supaya ia kelihatan dinamik dan mampu berdialog dengan perubahan zaman. Tambahan lagi, maksud al-Quran perlu bersifat *faith in action* dan bukan sekadar kajian yang tidak berpijak pada realiti kehidupan. *Neo-Modernisme* diperkenalkan sebagai pemahaman yang komprehensif dan kontekstual yang dilakukan secara terus menerus. Baginya alternatif untuk menjadikan Islam itu benar-benar fungsi dalam kehidupan, al-Quran dan al-Sunnah wajar ditafsirkan secara kritis dan difahami dengan menggunakan kaedah dan metode falsafah (Abu A'la MA, 2009). Termasuk dalam bukunya, *Major Themes of Qur'an*, Fazlur Rahman mencanangkan pentafsiran yang bersifat sintetik dilakukan terhadap teks al-Quran.

Pendekatan sebegini sebenarnya jelas bertentangan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW kerana hanya merujuk kepada al-Quran semata-mata dan menolak hadith Nabawi. Secara jelas Allah SWT menerangkan bahawa Rasulullah SAW berperanan untuk mentafsirkan ayat al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Nahl*: ayat (16) 44 yang bermaksud:

*Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka supaya mereka dapat memikirkan.*

Al-Qurtubi (1995) ketika menukilkan pandangan al-Khattabi mengatakan bahawa, ayat tersebut mengandungi dua takwilan iaitu, pertama, Nabi SAW diberi *al-Kitab* sebagai wahyu yang dibaca dan kedua, diberi penerangan, sepertinya iaitu diberi keizinan kepada Nabi SAW untuk menerangkan isi kandungan dalam *al-Kitab* secara umum dan khusus serta mensyariatkan segala yang terkandung.

Kritikan terhadap tafsiran ayat mengenepikan kronologi penurunan wahyu adalah tidak tepat sama sekali. Ini kerana *mushaf* tersebut juga tidak mencatit ayat mengikut kronologi penurunan wahyu. Sebaliknya ketentuan susunan dan turutan ayat mahupun surah adalah dari Rasulullah SAW. Ibn Hajar Al-Asqalani (2001) menyatakan, tertib surah dan kedudukan ayat, berdasarkan wahyu dengan riwayat yang mutawatir bahawa susunan ini dari Rasulullah SAW yang disepakati para sahabat RA (Manā' Khalil al-Qattān, 2007).

Selain itu, Jamal Al-Banna (2008) juga membawa satu gagasan idea mengenai kebebasan mutlak sebagaimana golongan feminis ketika membicarakan ayat 256 dalam surah *al-Baqarah*.

Beliau lebih cenderung mentafsirkan makna kebebasan dalam berkeyakinan ataupun tidak mungkin memaksa keyakinan kepada individu lain. Sebahagian pakar tafsir moden mendapati pandangan sedemikian berbeza dengan tafsiran yang difahami berdasarkan kitab tafsir klasik

(Jamal al-Banna, 2008). Maksud sebenar ayat tersebut adalah larangan memaksa golongan kafir samada Yahudi ataupun Nasrani dan sebagainya untuk menerima Agama Islam (al-Qaradawi, 2009). Sebaliknya penerimaan itu biarlah atas dasar reda, pilihan dan kepercayaan. Namun perlu difahami larangan tersebut tidaklah menggugurkan kewajipan berdakwah kepada mereka (al-Khalidi, 2007). Sikap pendukung Islam Liberal yang cuba memanipulasikan ayat-ayat al-Quran untuk membenarkan idea kebebasan ini adalah satu kesilapan yang besar. Idea kebebasan ini bukan lahir dari al-Quran, sebaliknya isu yang telah lama dicanangkan dalam falsafah ketuhanan Yahudi dan Kristian. Al-Quran membicarakan soal kebebasan yang terikat dengan pilihan manusia dan kehendak Allah, manakala kebebasan yang menyeleweng itu merupakan pilihan manusia sendiri (Tengku Intan Zarina, 2013).

### **Pendirian Rapuh Hasan Hanafi**

Hassan Hanafi (2003) berpandangan ‘Masing-masing adalah mujtahid’. Sesiapa yang ragu terhadap prinsip akidah, maka keraguan harus diperkuat, akal perlu diperguna bagi menurut kehendak ‘nafsu’ sehingga mereka mencapai kebenaran melalui kajian mereka yang bebas tanpa perlu berdakwah. Pemimpin atau yang dipimpin tidak berhak menghukum sesuatu kelompok itu kafir dan pengamal bid’ah (Hassan Hanafi, 2003).

Metodologi yang digunakan oleh Hassan Hanafi (2003) terhadap pentafsiran ayat al-Quran tersebut lebih menjurus kepada pentafsiran berpandukan akal dan kehendak naluri manusia. Hal sedemikian, pandangan dan hujah yang dikemukakan mentafsir ayat-ayat al-Quran mengikut ‘cita rasa’ masing-masing yang dianggap ‘mujtahid’ dalam masyarakat malah menafsirkan ayat di atas dengan berpendapat bahawa manusia mempunyai hak dan kebebasan tanpa keperluan dan kepentingan atas *platform* dakwah dalam masyarakat.

### **Sanggahan Syubhah**

Kenyataan yang dikemukakan oleh Hassan Hanafi menggunakan rasional akal semata terhadap pentafsiran ayat al-Quran tanpa merujuk pada tafsiran para ulama silam (Fadl Hassan Abbas, 1997). Para ulama telah mengemukakan pentafsiran asal menurut kaedah *usul: Al-‘Ibar: bi Khusus al-Lafazd wa laysa bi Umum al-Sabab*. Maksudnya: *Ibar* (ayat-ayat): Berlaku pada lafaz yang khusus bukan sebab yang umum.

Abdul Wahab al-Khalaf (2002) menterjemahkan ayat berpandukan kaedah *asbab al-Nuzul*. Namun, pengertian ayat tersebut perlu digarabkan berdasarkan maksud ayat tersurat dan tersirat, bukan semata-mata menterjemahkan ayat secara zahir dan terus diaplikasikan dalam pentafsiran mengikut kehendak ‘nafsu’. Para ulama telah mengemukakan dalam karya mereka mengenai kriteria ayat tersebut, antaranya:

Agama Islam tidak memaksa sesiapa untuk memeluk agama wahyu. Walau bagaimanapun, ia mengemukakan perbezaan mengenai *al-haq* daripada perkara *al-batil*. Malahan, sesiapa boleh

memperolehi hidayah dan petunjuk Ilahi selepas menyedari daripada kesesatan atas kehendak dan izin Allah SWT. Hal ini kerana Allah SWT menentukan hidayah seseorang hambaNya (al-Qaradawi, 2009). Begitulah pendirian prinsip agama dalam menentukan pegangan aqidah manusia tanpa menjadikan rasional akal sebagai hujah dalam tindakan yang ‘jahil’ dan ‘mengikut hawa nafsu’ bagi menuruti kemauan untuk menganuti mana-mana agama (al-Khalidi, 2007).

### **Keceluaran Pemikiran *Ulil Abshar Abdalla***

Kepincangan pemikiran Islam Liberal banyak menghakis kefahaman fakta asal yang dikemukakan para ulama dalam karya-karya tafsir mereka semakin menular termasuk kalangan pemikir masyarakat selainnya yang mahu mencorak pentafsiran al-Quran mengikut hawa nafsu.

Sebagai contoh, pemikir Ulil Abshar Abdalla dari Indonesia, berpandangan mengenai masalah terhadap ayat 256 dalam surah *al-Baqarah* masih belum diperjelaskan sehingga ia mentafsirkan ayat ‘tiada paksaan’ dan memperluaskan istilah tersebut dengan maksud ‘bebas’ tanpa batas (Idrus Ramli, 2013). Oleh itu, pentafsiran ‘bebas’ dari kacamata beliau telah memberi kesan berlaku kontroversi dalam kalangan masyarakat muslim. Hal sedemikian, kelihatan pemikirannya terhadap agama dalam mengemukakan kenyataan beliau bahawa Islam tidak sewajarnya menggunakan kaedah *al-Nasakh* (penghapusan hukum terdahulu dan menggantikan hukum terkemudian) untuk agama-agama sebelum Islam (Tengku Intan Zarina, 2013).

Maka, kesimpulan telah dibuat oleh Ulil Abshar Abdalla dalam ‘fatwa’ beliau bahawa semua agama yang ada di dunia ini adalah sama dari sudut kesamarataan prinsip dan *spiritual* ketuhanan berdasarkan potongan ayat al-Quran daripada surah *al-Baqarah*, ayat (2) 256 bermaksud:

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).*

Oleh itu, berdasarkan ayat tersebut, Ulil Abshar Abdalla memahami maksud dan pentafsiran ayat melalui konteks dan teks al-Quran itu dengan menyatakan ‘kebebasan’ secara mutlak dan bersifat global terhadap sesiapa sahaja untuk mengumumkan diri mereka beragama dengan mana-mana agama ataupun hidup untuk tidak mempercayai pada agama (*atheisme*) dan tauhid kepada Allah SWT menyebabkan ia keluar dari metode tafsiran para ulama mengenai *nas* al-Quran yang sebenar terhadap pandangan Ulil Abshar Abdalla yang menyimpang jauh dari tafsiran ayat tersebut (Idrus Ramli, 2013). Tuntasnya, ayat-ayat al-Quran tersebut dianggap sebagai ayat yang *qathi'e* pada dasar *monotheisme*.

### **Sanggahan *Syubhah***

Sumber rujukan pertama dan utama dalam agama Islam adalah al-Quran dan ilmu-ilmunya, bukan mendahului hujah berpandukan akal dan rasional dengan konteks ‘bebas sebebas-bebasnya’ tanpa merujuk kepada pentafsiran para ulama. Ulil Abshar Abdalla mentafsirkan ayat 256, surah *al-*

*Baqarah* dengan menyatakan ‘kebebasan’ secara mutlak yang bersifat global terhadap sesiapa untuk mengumumkan diri mereka beragama dengan mana-mana agama ataupun hidup tanpa menjadikan dasar agama sebagai panduan (*atheisme*) (Abu A’la MA, 2009).

Pertama, para ulama klasik sendiri daripada kalangan *tabi’in*, apabila berlaku perselisihan mengenai ayat-ayat al-Quran dalam *mushaf*, mereka sendiri berjumpa dengan guru mereka (sahabat) tanpa mentafsirkan ayat al-Quran berpandukan akal dan rasional semata-mata. Sebagaimana terdapat dalam rekod *Sahih al-Bukhari* (no hadis 4590) yang diriwayatkan oleh Mughirah bin al-Nu’man RA bermaksud:

*Satu ayat daripada al-Quran telah diperselisihkan oleh ahli Kufah (Iraq), maka aku (Sa’id Ibn Jubair) telah mengambil keputusan bagi menemui dengan Ibn ‘Abbas untuk bertanyakan tentang hal tersebut (iaitu mengenai ayat 93, surah al-Nisa’).*

Lantaran itu, penekanan terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran perlu menjadikan masyarakat umum memahami teks dan konteks al-Quran melalui tafsiran para ulama bukan menjadikan diri sebagai pentafsir yang bersikap konseptual dan *Neo-Modernism*nya pada aspek pemahaman yang komprehensif (Tengku Intan Zarina, 2013), lebih-lebih lagi mengenai ayat 256 surah *al-Baqarah*. Ibn Kathir (1999) menyebut dalam karya tafsirnya:

Berdasarkan sebuah riwayat daripada Ibn Abbas RA bahawa mengenai ayat *la ikrah fi al-Din*, diturunkan kepada seseorang daripada kaum al-Ansar iaitu Bani Salim bin ‘Auf yang bernama al-Husaini, beliau mempunyai dua orang anak lelaki yang menganut agama Nasrani dan al-Husaini pula adalah seorang muslim. Beliau bertanya kepada Rasulullah SAW: ‘Apakah dibenarkan bagi aku untuk memaksa anak aku (untuk memeluk agama Islam)? Mereka telah menolak untuk beragama kecuali dengan tetap berpegang dengan Nasrani. Maka Allah SWT turunkan ayat ini (ayat 256, surah *al-Baqarah*)’ (Nuruddin ‘Itr, 1996.).

Berdasarkan ayat di atas bahawa penghuraian mengenai konteks paksaan tidak boleh dilakukan kepada mereka yang tidak beragama Islam dan bukan untuk menjadikan kalangan muslim murtad dengan agamanya. Justeru, konsep ‘kebebasan’ beragama bukanlah isu yang ingin dibawa dalam ayat di atas, isu yang perlu dirungkai dalam ayat ini menyentuh perihal larangan paksaan bagi orang-orang bukan Islam untuk memeluk Islam. Termasuk individu yang berpegang pada konsep kesamarataan dalam agama (*pluralisme*).

### **Pentafsiran Sebenar Menurut Sarjana Tafsir**

Kefahaman terhadap Ilmu tafsir perlu berpaut pada metodologi yang digariskan al-Quran dan hadis sebagaimana dalam karya para ulama klasik dan konvensional. Menurut konteks epistemologi, al-Quran sememangnya berpandu pada dua asas sebagai ukuran keilmuan yang berinteraksi dengan *nas* agama iaitu metodologi ‘periwayatan’ dan ‘pembuktian’.

Ilmu tafsir adalah ilmu yang membicarakan isi kandungan al-Quran melibatkan Kalam Allah SWT. Oleh itu, al-Quran merangkumi kerangka *istinbath al-Ahkam*, *Nasakh wa Mansukh*, *Muhkam wa Mutasyabih* dan usul syara' serta kaedahnya. Al-Suyuti (1992) telah menggariskan kemuliaan mempelajari ilmu tafsir dari tiga sudut, pertama, kemuliaan dari sudut tajuk yang dibicarakan kerana Kalam Allah SWT yang mengandungi segala hikmah. Kedua, kemuliaan dari sudut matlamat mencapai kebahagian hakiki. Ketiga, kemuliaan dari sudut keperluan terhadapnya kerana kesempurnaan Islam dari Kitab Allah.

Menurut Khalid Abd Rahman al-'Ak (1994), sesuatu tafsiran hendaklah memenuhi *Maqasid al-Qur'an* iaitu, memperbaiki pegangan serta menyampaikan aqidah yang sahih, menyusun akhlak, melaksanakan syariat, membina umat serta memelihara peraturan, menyampaikan kisah-kisah dan cerita umat lampau sebagai teladan, mengajar sesuatu perkara yang sesuai dengan zamannya, memberi khabar gembira dan duka, menyampaikan peringatan serta sebagai *I'jaz al-Qur'an*.

Al-Suyuti (1992) menggariskan panduan dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran pertama, mestilah merujuk terlebih dahulu kepada al-Quran, kedua al-Sunnah, ketiga *aqwāl* sahabat, keempat mengikut makna Kalam serta memahami kekuatan syara'. Rentetan itu, Yusuf al-Qaradawi (2009) berpendapat bahawa wajib menerima tafsir para sahabat walaupun seorang kerana ia termasuk dalam kerangka ilmu *al-Riwayah* bukan *al-Ra'yī*, bahkan diklasifikasikan hukumnya *marfu'*. Manakala *aqwāl tabi'in* tidak dianggap sebagai hujah dalam perkara *furu'*.

Abdullah Ibn Abbas RA dalam riwayat *atharnya*, menyatakan bahawa ayat al-Quran yang diturunkan atas sebab penurunannya dan dasar wahyu tersebut dikategorikan sebagai tegahan dan larangan. Malah selari kerana ia berhubungkait pada konteks 'paksaan' terhadap seseorang *non-muslim* untuk memeluk agama Islam. Namun, teks dari *nas* al-Quran tersebut bukan bertujuan memerangi orang-orang bukan Islam bahkan menjaga indentifikasi prinsip agama Islam (Abu Dawud dalam *Sunan*, no hadis 2682).

### Pentafsiran Ibn Kathir

Pentafsiran Ibn Kathir (1999) dalam karyanya, beliau mentafsirkan dalam beberapa isu, iaitu agama melarang paksaan sama sekali kepada umat Islam supaya tidak memaksa dalam kalangan manusia untuk memeluk agama Islam, dan *uslub* tegahan dijelaskan dalam kerangka 'tiada istilah memaksa sekalian manusia walaupun seseorang untuk memeluk Islam'. Mempercayai agama wahyu itu adalah satu kebenaran yang jelas dengan pembuktian *nas-nas* al-Quran yang bersifat *authentic*, justeru, orang yang memeluk agama Allah SWT adalah mereka yang menerima hidayah daripada-Nya, dan mereka yang menolak ajaran Islam adalah mereka buta hatinya. Oleh itu, pendapat Wahbah Zuhayli (2001) mengenai kalimah *al-ikrah* adalah satu maksud *al-ghayr*, iaitu tiada ketetapan dalam sesuatu perkara dari sudut pertuturan mahupun perlakuan. Bahkan ia tidak memerlukan sikap untuk berpaut dengan sandaran yang bersifat *al-takhwif* (ketakutan), *al-ta'dzib* (penyeksaan) atau seumpama dengannya.

### **Pentafsiran Al-Razi Dan Ibn ‘Athiyah**

Menurut al-Razi (2000), dalam karya tafsirnya *Mafatih al-Ghayb*, adalah satu keistimewaan dan mempunyai satu perbezaan yang *syumul* dalam hak-hak daripada perkara yang batil, iaitu pandangan dari konteks perubahan kekufuran kepada keimanan, kesesatan kepada petunjuk dan hidayah, malah ia mengemukakan sebagai hujah dalam ayat dan bukti yang menerangkan maksud *al-rusyd*.

### **Pentafsiran Al-Baidawi**

Menurut pentafsiran al-Baidawi (1991) mengenai ayat dalam surah *al-Baqarah*, ayat 256. Ia telah mengemukakan beberapa kriteria yang menjadikan perbahasan tentang paksaan pada hakikat kebiasaan sama ada ia berbentuk satu perubahan perlakuan ataupun sebaliknya. Namun begitu, pandangan beliau dalam menerangkan ayat *al-rusyd* daripada *al-ghayr* adalah satu metode persamaan yang menyatakan konsep kepercayaan dan keimanan adalah tunggak perubahan manusia daripada kesesatan dan kekufuran. Malah ia mengemukakan bukti persyaratan berdasarkan dalil ‘keimanan’ seseorang itu adalah medium untuk kebahagiaan dalam kehidupan manusia yang berpijak di atas dasar syariat Islam. Justeru, bila manusia menggunakan akal mereka yang waras untuk membezakan antara keimanan mahupun kesesatan, maka mereka telah mencetus satu aplikasi yang tindakan positif dalam setiap perlakuan kerana ‘iman’ menjadi penyuluhan dalam diri, agar mengimplikasikan kebahagiaan dan kejayaan manusia. Ia menunjukkan bahawa, *ikhbar* pada makna dalam konteks tegahan dan larangan, iaitu tiada paksaan terhadap mereka untuk memeluk agama Allah.

## **KESIMPULAN**

Pandangan Islam Liberal terhadap ilmu tafsir lebih bersifat kritikan yang jelas mendokong budaya *scepticisme*. Ilmu ini dijadikan sasaran utama kerana tafsir merupakan pintu masuk untuk memahami ayat-ayat al-Quran. Apa yang pasti, golongan Islam Liberal ini sebenarnya cuba membuat satu pentafsiran baru mengenai ayat-ayat al-Quran untuk disesuaikan dengan kehendak semasa serta falsafah pemikiran mereka. Kalau dulu golongan *Mu’tazilah* membawa unsur-unsur penyelewengan dalam ilmu tafsir kerana dipengaruhi falsafah Yunani, tetapi hari ini golongan Islam Liberal ini dipengaruhi oleh falsafah Barat.

Hakikatnya, Islam Liberal berusaha menolak autoriti agama di mana mereka memegang dasar falsafah *Relativisme* dengan metode pentafsiran yang disebut *Hermeneutic*. Usaha mereka untuk meliberalkan tuntutan syariat, maka tafsiran ulama konvensional cuba dikritik atas dasar bahasa dan ilmu-ilmu moden. Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan tidak akan berjaya kerana asas sandaran agak rapuh dan mereka hanya berpaut pada teori falsafah Barat. Sehubungan dengan itu, tidak hairanlah sekiranya kritikan Islam Liberal terhadap ilmu tafsir sebenarnya antara usaha yang cuba dilakukan bagi mencantas ilmu yang pertama lahir dalam kalangan umat Islam, dulu, kini dan selamanya.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Abu Dawud, Sulaiman ibn al-Ash'ath al-Sajastany al-Azdy. 1998. *Sunan Abi Dawud*. Penilai: Muhammad Nasiruddin al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Abd A'la MA. 2009, *Dari Neo-Modernisme ke Islam Liberal*. Yoghjakarta: LKiS.

Al-Baidawi, Nasir al-Din, Abi Sai'd, Abd Allah Abi Umar Muhammad al-Syirazy. 1991. *Tafsir al-Baidhawy, al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Penilai: Abd. Qadir Irfan. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Bukhari, Abu Abdullah, Muhammad bin Ismail. 2004. *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Mohamed Fua'd Abul Baqi. Kaherah: Maktabah Misr.

Fadl Hassan Abbas. 1997. *Itqan al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jordan: Dar al-Nafa'is li al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Fazlur Rahman. 1982, *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press.

Hassan Hanafi. 2003. *al-Turath wa al-'Asr wa al-Handasah*, (terj.): Khairon Nahdiyyin. Indonesia: Syarikat.

Hassan Hanafi. 2003. *Islamologi (Dirasaat al-Islamiyyah)*, (terj.): Miftah Faqih. Yoghjakarta: LKiS.

Ibn Athiyah, Abi Muhammad, Abd al-Haq bin Ghalib. 2001. *Al-Muharar al-Wajiz fi Tafsir*. Penilai: Abd al-Salam Abd al-Syafi'e. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Hajar al-Asqalani. 2001. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penilai: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan Ibn Abd al-Aziz al-Sa'ud.

Ibn Kathir, Abu al-Fidaa' Ismail bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim*. Penilai: Samiy bin Muhammad Salamah. Riyadh: Dar Tayyibah li Nasyr wa al-Tauzi'.

Idrus Ramli. 2013, *Kritikan Terhadap Pemikiran Ulil-Abshar-Abdalla* (bhgn. 2), <http://www.idrusramli.com>.

Jamal al-Banna. 2008. *Tafsir al-Qur'an al-Karim Bayna al-Qudamah wa al-Muhaddithin*. Kaherah: Dar al-Syuruk.

Al-Khalaf, Abd al-Wahab. 2002. *'Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah al-Hadith.

- Khalid Abd Rahman al-‘Ak. 1994. *Usul Tafsir wa Qawai’duhu*. Beirut: Dar al-Nafai’s.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. 2007. *Al-Qur’an wa al-Naqd wa Matha’in al-Ruhban*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Manna’ Khalil al-Qattan. 2007. *Mabahith fi Ulum al-Qur’an*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Nuruddin ‘Itr. 1996. *Ulum al-Qur’an al-Karim*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1995. *Al-Jami’ li al-Ahkam al-Qur’ani*. Mesir: Dar al-Hadith.
- Al-Razi, Fakhr al-Din, Muhammad bin Umar bin al-Husain al-Razi. 2000. *Tafsir al-Kabir Mafatih al-Ghyab*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. 1992. *Tahdzib wa Tartib al-Itqan fi Ulum al-Qur’an*. Arab Saudi: Dar al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tauzi’.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Edisi Keenam Belas, (Dar al-Fikr) (YIT) dengan izin Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2000.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2013, *Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Quran: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu Dalam Ulum al-Quran*, UKM: Tesis Doktor Falsafah (PhD).
- Wahbah Zuhaili. 2001. *Al-Tafsir al-Wasit*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradawi. 2009. *Kayfa Nata’mul ma’a al-Qur’an al-‘Azdim*. Kaherah: Dar al-Syuruk.